

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JIB 420 – EKOLOGI SUMBER ALAM**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

Setiap jawapan mesti dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

Setiap soalan bernilai 20 markah dan markah subsoalan diperlihatkan di penghujung subsoalan itu.

1. Bincangkan potensi penggunaan sumber tenaga berikut :

- (a) Tenaga biojisim
- (b) Tenaga nuklear

(20 markah)

2. Bincangkan kebaikan dan keburukan pengurangan kepelbagaian genetik tumbuhan.

(20 markah)

3. Buat nota tentang tajuk berikut :

- (a) Penggurunan
- (b) Dasar Perhutanan Negara

(20 markah)

4. Terangkan tiga faktor utama yang menyebabkan sumber biologi daripada lautan menjadi semakin penting dan bagaimana bekalan sumber lautan yang berterusan dapat dipastikan.

(20 markah)

5. Bincangkan kebaikan dan keburukan empangan dalam mengawal bekalan air yang banyak.

(20 markah)

6. Huraikan berserta contoh-contoh yang sesuai, kepentingan hutan hujan tropika selain sebagai pembekal kayu balak.

(20 markah)